

KEMPEN PB JOURNEY CAR SECURE

TERMA DAN SYARAT

Kempen PB Journey Car Secure (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad No. Pendaftaran Syarikat 196501000672 [6463-H] (“PBB”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen ini:-

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **17 Mei 2021 hingga 30 November 2021** [termasuk kedua-dua tarikh, atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB (“Tempoh Kempen”)].

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu PBB, berumur antara 18 tahun dengan 35 tahun (termasuk umur 18 dan 35) yang memenuhi syarat yang berikut:-

- a) mengekalkan sekurang-kurangnya satu (1) *Akaun Simpanan yang Layak yang dipegang di bawah nama pelanggan individu berkenaan semata-mata; dan
- b) telah berdaftar bagi Perbankan dalam Talian PBe (“PBe”) dan/atau Perbankan Mudah Alih PB engage MY (“PB engage”)

(“Peserta yang Layak”).

* Rujuk Perkara 3.1 untuk senarai Akaun Simpanan yang Layak.

- 2.2 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:

- a) kakitangan tetap dan/atau kakitangan kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad dan/atau Public Investment Bank Berhad;
- b) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
- c) bukan pemastautin;
- d) orang yang tidak waras;
- e) orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadapnya; dan

- f) orang yang akaunnya dengan PBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB.

2.3 Kempen ini hanya sah dengan pembelian insurans motor yang berjaya dibuat melalui www.lonpac.com/ez/pbbpromos2/motor.

3. Ciri-ciri Kempen

3.1 Produk yang Layak di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

No.	Produk yang Layak
1.	Akaun Simpanan yang Layak yang merujuk semua Akaun Simpanan Konvensional kecuali Akaun Simpanan WISE dan Akaun Simpanan 50 PLUS*
2.	<i>Private Car Secure</i> [#]

* Akaun Simpanan yang Layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Insurans Komprehensif Motor yang ditaja jamin oleh Lonpac Insurance Berhad (“Lonpac”).

3.2 Peserta yang Layak layak untuk mendapat manfaat yang berikut selepas membeli insurans komprehensif motor daripada Lonpac melalui www.lonpac.com/ez/pbbpromo2/motor untuk kenderaan motor mereka sendiri:-

- a) Diskaun 10% bagi insurans motor tanpa premium minimum diperlukan
- Diskaun 10% akan ditolak secara automatik daripada premium kasar sahaja
 - Tidak sah bagi duti setem, cukai perkhidmatan dan pembaharuan cukai jalan
- b) Penghantaran cukai jalan komplimentari dalam Semenanjung Malaysia oleh MYEG
- Tidak diterima pakai untuk pembaharuan cukai jalan untuk Malaysia Timur atau penghantaran cukai jalan ke Malaysia Timur
- c) Tarik kereta / pembaikan kecil di tepi jalan 24/7 (Nombor untuk dihubungi: 1300-88-1138)
- d) Tiada kos untuk tambahan pemandu tambahan bagi insurans motor

- e) Pelan Ansuran Sifar Faedah (“ZIIP”) selama 6 bulan bagi pembayaran premium dengan syarat amaun minimum premium ialah RM500 dalam satu urus niaga dan kad kredit yang dikeluarkan oleh PBB digunakan untuk pembayaran tersebut.

4. Hadiah Tunai

- 4.1 Semasa Tempoh Kempen, lima puluh (50) Peserta pertama yang Layak setiap bulan berlangsungnya kempen yang berjaya membeli insurans motor komprehensif daripada Lonpac melalui www.lonpac.com/ez/pbbpromo2/motor layak untuk mendapat Hadiah Tunai sebanyak RM20 (“Hadiah Tunai”) satu kali.
- 4.2 Hadiah Tunai diberi atas dasar siapa cepat dia dapat.
- 4.3 Peserta yang Layak layak untuk memenangi satu (1) sahaja Hadiah Tunai semasa Tempoh Kempen.
- 4.4 Peruntukan Hadiah Tunai setiap bulan berlangsungnya kempen adalah seperti yang berikut:

Bulan Berlangsungnya Kempen	Tempoh	Bilangan Peserta yang Layak	Jumlah Hadiah Tunai Setiap Bulan Berlangsungnya Kempen (RM)
Bulan Pertama	17 Mei 2021 - 16 Jun 2021	50 orang yang pertama	1,000
Bulan ke-2	17 Jun 2021 - 16 Julai 2021	50 orang yang pertama	1,000
Bulan ke-3	17 Julai 2021 - 16 Ogos 2021	50 orang yang pertama	1,000
Bulan ke-4	17 Ogos 2021 – 20 September 2021	50 orang yang pertama	1,000
Bulan ke-5	21 September 2021 – 25 Oktober 2021	50 orang yang pertama	1,000
Bulan ke-6	26 Oktober 2021 – 30 November 2021	50 orang yang pertama	1,000

- 4.5 Jika Hadiah Tunai yang diperuntukkan telah digunakan sepenuhnya dalam mana-mana bulan berlangsungnya kempen, Peserta yang Layak tidak lagi layak untuk memenangi Hadiah Tunai.
- 4.6 PBB tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Peserta yang Layak apabila Hadiah Tunai yang diuntukkan dalam mana-mana bulan berlangsungnya kempen telah digunakan sepenuhnya.
- 4.7 Hadiah Tunai akan dikreditkan dalam Akaun Simpanan yang Layak Peserta yang Layak dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas berakhirnya Tempoh Kempen.

5. Pelan Ansuran Sifar Faedah (“ZIIP”) selama 6 bulan

- 5.1 ZIIP tertakluk pada had kredit yang mencukupi dalam akaun kad pemegang akaun kad kredit / ahli kad kredit (“Pemegang Akaun / Ahli Kad PB”) dan penerimaan ZIIP oleh PBB dan Lonpac.
- 5.2 Selepas ZIIP diluluskan, PBB akan membuat pembayaran penuh bagi urusan niaga yang dicaj oleh Lonpac dengan segera dan menguntukkan had kredit Pemegang Akaun / Ahli Kad PB bagi pembelian suatu amaun yang bersamaan dengan amaun urusan niaga tersebut. Pemegang Akaun / Ahli Kad PB dikehendaki membayar balik amaun itu secara enam (6) kali ansuran bulanan. Ansuran pertama akan bermula pada tarikh selepas kelulusan ZIIP dan setiap bulan selepas itu sehingga ansuran bulanan ZIIP diselesaikan sepenuhnya.
- 5.3 Amaun ansuran akan dikira dengan membahagikan amaun urusan niaga dengan enam (6) bulan. Jika terdapat baki, baki tersebut akan ditambah pada ansuran bulan terakhir.
- 5.4 Amaun ansuran akan dibilkan kepada Pemegang Akaun / Ahli Kad PB setiap bulan dan akan ditunjukkan dalam penyata akaun bulanan Pemegang Akaun / Ahli Kad PB untuk kad kredit. Amaun ansuran perlu dibayar kepada PBB berdasarkan terma dan syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad.
- 5.5 Sekiranya amaun ansuran bulanan tidak dibayar pada atau sebelum tarikh perlu bayar seperti yang ditunjukkan dalam penyata akaun, caj / fi / faedah yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad akan diterima pakai.
- 5.6 Pemegang Akaun / Ahli Kad PB membenarkan PBB untuk terus mendebit kad kreditnya bagi amaun ansuran tersebut tanpa mengira apa-apa potensi atau pertikaian yang sedang berlaku dengan Lonpac.

- 5.7 Apa-apa pembatalan urus niaga tidak akan dilayani oleh PBB dan Peserta yang Layak / Pemegang Akaun / Ahli Kad PB dikehendaki berurusan terus dengan Lonpac bagi tujuan ini.
- 5.8 Sekiranya had kredit Pemegang Akaun / Ahli Kad PB yang ada melebihi had apabila ansuran bulanan yang perlu dibayar dicaj kepada akaun kad kredit Pemegang Akaun / Ahli Kad PB, Pemegang Akaun / Ahli Kad PB hendaklah mengambil semua langkah yang perlu untuk melazimkan akaun kad kredit itu sebelum pembayaran ansuran bulanan berikutnya perlu dibuat, jika tidak, ZIIP ini akan ditamatkan dengan serta-merta dan semua baki amaun ansuran di bawah ZIIP ini akan menjadi perlu dibayar kepada PBB oleh Pemegang Akaun / Ahli Kad PB dan akan dicaj kepada Pemegang Akaun / Ahli Kad PB tanpa perlu merujuk pada Pemegang Akaun / Ahli Kad PB.
- 5.9 Sekiranya Pemegang Akaun / Ahli Kad PB melakukan kemungkiran atau sekiranya berlaku peristiwa kemungkiran seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad atau kad kredit dibatalkan / ditamatkan dengan serta-merta dan semua amaun ansuran yang ada di bawah ZIIP ini akan menjadi perlu dibayar kepada PBB oleh Pemegang Akaun / Ahli Kad PB dengan segera.
- 5.10 Sekiranya kad kredit yang digunakan bagi pembelian insurans komprehensif motor bukannya milik Peserta yang Layak, Peserta yang Layak mengesahkan bahawa Pemegang Akaun / Ahli Kad PB bersetuju untuk membenarkan kadnya untuk digunakan bagi pembelian ini dan maklum dan bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat yang mengawal ZIIP.
- 5.11 ZIIP ini juga tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan ZIIP ini.

6. Lain-lain

- 6.1 Hadiah Tunai di bawah Kempen ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar dengan tunai, kredit atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya.
- 6.2 Peserta yang Layak tidak layak untuk Hadiah Tunai di bawah Kempen ini sekiranya Akaun Simpanan yang Layak ditutup, diubah, digantung, dibatalkan atau ditamatkan sebelum pemberian Hadiah Tunai kepada Peserta yang Layak.
- 6.3 PBB berhak untuk menarik balik mana-mana Hadiah Tunai sekiranya terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak dan terma dan syarat lain yang mengawal perkhidmatan ini yang digunakan oleh Peserta yang Layak berkaitan dengan Kempen ini tidak dipatuhi.

- 6.4 Pembelian insurans komprehensif motor tertakluk pada terma dan syarat Lonpac. Sekiranya terdapat pertikaian berkaitan dengan insurans, Peserta yang Layak hendaklah berurusan terus dengan Lonpac.
- 6.5 Kempen ini **TIDAK** sah dengan promosi dan kempen produk yang lain yang ditawarkan serentak oleh PBB.

7. Terma dan Syarat Am

- 7.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat ini). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak dan apa-apa terma dan syarat lain yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Peserta yang Layak berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 7.2 Apa-apa peralatan, aksesori atau perkakasan yang ditunjukkan bersama-sama Hadiah Tunai dalam bahan bercetak, laman web atau di cawangan PBB hanyalah untuk tujuan perhiasan sahaja dan tidak merupakan sebahagian daripada Hadiah Tunai.
- 7.3 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan Kempen ini.
- 7.4 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB untuk memproses, menggunakan dan menyimpan semua maklumat mereka berkenaan dengan produk yang Layak bagi tujuan Kempen ini.
- 7.5 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB untuk menerbitkan, mempamerkan namanya, nombor pengenalan, gambar atau maklumat lain pada laman web PBB atau media masa yang lain bagi tujuan pengiklanan dan penerbitan.
- 7.6 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan mahupun bertanggungjawab bagi apa-apa bentuk dan apa sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaiannya atau salah laku yang disengajakan oleh PBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.

- 7.7 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini yang disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran dan pengiklanan.
- 7.8 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengedaran kepada apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Kempen ini.
- 7.9 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa bahan pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat Kempen ini akan diterima pakai.
- 7.10 PBB berhak untuk menambah, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya dan sebahagiannya, dengan memberi notis lebih awal kepada Peserta yang Layak melalui laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa cara lain sebagaimana yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa.
- 7.11 PBB berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum Kempen ini tamat, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan, lanjutan atau pembatalan tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana atau semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak.
- 7.12 Terma dan syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 7.13 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat mereka melalui www.pbebank.com atau mana-mana cawangan PBB.

Ruang selebihnya pada halaman ini sengaja dibiarkan kosong.
